

# PERSEPSI AWAL PARA PELAJAR KEJURUTERAAN TEKNOLOGI DI UNIVERSITAS SWASTA TERHADAP AMALAN RASUAH (KORUPSI) DI DALAM KERJAYA

Mohd Mohamed Zin<sup>(1)</sup>, Mohd Adri Che Din<sup>(2)</sup>, Adifarizal Mohd Arifin<sup>(3)</sup> dan Noor Kamsiah Che  
Ahmad<sup>(4)</sup>

*(1),(2),(3),(4) Student Development Section, Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute, Selangor, Malaysia*

Email: (1) [mohd@unikl.edu.my.com](mailto:mohd@unikl.edu.my.com), (2) [madri@unikl.edu.my](mailto:madri@unikl.edu.my), (3) [adifarizal@unikl.edu.my](mailto:adifarizal@unikl.edu.my),  
(4) [noorkamsiah@unikl.edu.my](mailto:noorkamsiah@unikl.edu.my)

## Abstrak

The Integrity and Anti Corruption Course was first implemented at private higher learning institutions in Malaysia in 2022 (UniKL) to follow the National Anti-Corruption Plan (NACP) which aims to realise the vision of the country to be of high integrity and corruption-free. The Integrity and Anti course was made compulsory to be offered and taught as one of the elective courses under the general subject category (MPU). The objective of the study is to measure the level of comprehension of the university students of engineering technology programme on integrity and corruption in Malaysia. This is important for them to be individuals who have high integrity and despise corrupt practices when they join the workforce. This initial study is important to see whether the content, delivery method, and duration of the course are suitable and adequate to create positive impacts among the undergraduates. A total of 89 respondents were chosen as convenient non-probability sampling for this study and all of them have enrolled in the Integrity and Anti-corruption course for 1 semester. They were asked to respond to questions in a survey instrument adapted from previous studies by Malaysia Integrity Institute (MII). The findings from the survey show that the majority of the respondents have a good grasp on what is integrity and why anti-corruption is detrimental to a country. Their general comprehension on the matter of Integrity and Anti-corruption is good but many have the precept that some specific examples of corrupt practices are acceptable. This is quite worrisome and the study proposes that this course be further improved and enhanced into a compulsory subject for all university undergraduates. This is to propagate a more comprehensive understanding of integrity and corruption as a crime that must be eradicated.

Keywords: higher education, integrity, anti-corruption, engineering technology

## 1. PENDAHULUAN

Program teknologi kejuruteraan teknikal bertujuan membentuk para mahasiswa dan mahasiswi menjadi ahli teknologis dan jurutera berkualiti di alam pekerjaan. Banyak penyelidikan kerjaya menunjukkan bahawa untuk sukses sebagai jurutera dan ahli teknologis di alam pekerjaan, mahasiswa dan mahasiswi perlu memiliki pelbagai kemahiran 'soft skills' dan juga ilmu 'hard skills' (Ahmad & Mohd Said, 2012). Di antara cabaran yang perlu dihadapi di alam pekerjaan buat jurutera selain perlu kemahiran berfikir dan kreativitas yang tinggi bagi

melaksanakan tugas adalah cabaran terhadap integriti dan godaan elemen rasuah (korupsi). Survey oleh agensi anti korupsi nasional ataupun SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) mendapati pekerjaan di bidang teknikal dan kejuruteraan turut terdedah kepada amalan salah iaitu korupsi (SPRM, 2021).

Oleh kerana itu, kursus Integriti dan Antirasuah (Anti-Korupsi) diperkenalkan oleh pemerintah sebagai mata kuliah pilihan di bawah kategori Matapelajaran Umum (MPU) berdasarkan ketetapan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pengenalan kursus ini adalah penting dalam usaha untuk memberi kefahaman kepada masyarakat untuk menentang korupsi dan menyebarkan nilai integriti termasuklah kepada para pelajar atau mahasiswa mahasiswi di institut pengajian tinggi. Silibus Integriti dan Antirasuah diambil dan diadaptasi daripada modul pelatihan oleh SPRM dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk universiti. Usaha memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai jenayah rasuah dan integriti adalah usaha yang berterusan dan bukannya bermusim. Jenayah rasuah tidak akan terhapus selagi adanya pemberi dan penerima rasuah di dalam masyarakat (SPRM, 2021).

Pengenalan kursus Integriti dan Antirasuah di sebagai kursus pilihan di universiti swasta yang menjadi fokus penyelidikan ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memberikan kefahaman yang tepat mengenai integriti dan rasuah kepada para pelajar. Ianya juga memenuhi kriteria kurikulum teknologi kejuruteraan dari segi pembentukan ilmu dan kompetensi yang bersifat 'soft-skills' iaitu yang membentuk nilai tambah kepada mahasiswa dan mahasiswi yang perlu mempunyai kemahiran berfikir yang kritis, berempati dan berkesedaran tinggi terhadap isu semasa (Ahmad, Muhammad & Jamil, 2017). Sejauh mana kursus ini bisa mencapai matlamat pengenalan Integriti dan Antirasuah kepada para pelajar harus diselidiki melalui pelbagai studi empirikal.

### **Pernyataan Masalah**

Hakikat bahawa sebahagian besar kes-kes korupsi di pelbagai negara adalah melibatkan staf dan karyawan awam amat menyedihkan dan tidak sepatutnya berlaku. Sesebuah negara tidak akan mampu mengubah kefahaman dan persepsi orang ramai terhadap korupsi kecuali dengan usaha berterusan dan bersungguh-sungguh daripada semua pihak (Daud, 2019). Dengan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan setiap individu mampu menjadi seorang insan yang berintegriti. Keimanan dan ketakwaan yang bersumberkan agama yang diterapkan di dalam diri dapat menjadi benteng yang kukuh terhadap sesuatu perlakuan yang bertentangan dengan integriti. Setiap agama di dunia ini juga tidak pernah membenarkan penganutnya untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan norma-norma kehidupan atau di luar peradaban manusia seperti amalan korupsi (Ab. Rahman et.al., 2022).

Kajian berkaitan kefahaman dan persepsi terhadap rasuah dan integriti adalah penting kerana sebahagian masyarakat masih kurang memahami apakah definisi atau kriteria sesuatu perbuatan atau amalan yang dikira sebagai rasuah. Dapatan daripada kajian terhadap persepsi mahasiswa -mahasiswi mengenai rasuah di Malaysia oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) menunjukkan terdapat responden yang beranggapan penerimaan hadiah dalam bentuk wang, barangan atau perkhidmatan sebagai balasan atas perkhidmatan yang diberikan, mengemukakan tuntutan penginapan bagi tugas luar di mana penginapan telah disediakan oleh penganjur dan mengambil harta atau barangan pejabat (kantor) untuk kegunaan peribadi bukanlah merupakan perbuatan rasuah. Namun begitu terdapat juga responden yang tidak pasti sama ada perbuatan tersebut merupakan rasuah atau tidak (Yusoff & Amin, 2017).

Di dalam konteks agama Islam iaitu agama resmi negara Malaysia, dan banyak negara lain di dunia, perihal larangan rasuah dan korupsi dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab suci Al-Quran. Firman Allah SWT dalam Surah al-Infithar, ayat 10 hingga 12 bermaksud,

*“Dan sesungguhnya bagi kamu ada (malaikat-malaikat) yang mengawasi (pekerjaanmu). Yang mulia (di sisi Allah SWT) dan mencatat perbuatanmu. Mereka mengetahui apa yang kamu kerjakan”*

(Azzuhaily, 2011)

Az-Zuhaily (2001), di dalam menghuraikan tafsir ayat di atas menyebut, perasaan tidak takutkan Allah SWT serta berani kufur dan melakukan maksiat timbul kerana manusia mendustakan pembalasan dan hisab pada hari kiamat. Keadaan manusia amat menghairankan, mereka mendustakan hari hisab dan pembalasan, sedangkan malaikat-malaikat Allah WT ditugaskan berada di samping mereka dan mencatat perbuatan mereka sehingga mereka akan dihisabkan tentangnya di akhirat kelak. Kefahaman orang Islam terhadap keburukan dan pengharaman perlakuan rasuah sepatutnya jelas. Setiap Muslim telah diberi panduan jelas tentang pengharaman perbuatan rasuah dan dijelaskan di dalam al-Qur’an dan juga melalui hadis-hadis Nabi Muhammad SAW.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk mengukur kefahaman dan persepsi mahasiswa dan mahasiswi kejuruteraan teknologi dari universiti swasta mengenai rasuah dan integriti di Malaysia. Sama ada terdapat perbezaan persepsi dan kefahaman mengenai rasuah dan integriti setelah mereka mengikuti pembelajaran Integriti dan Antirasuah selama hampir satu semester dapat diketahui melalui survey di dalam kajian ini. Jawapan yang mereka berikan di dalam soal selidik akan memberikan petunjuk jelas, sama ada kandungan silibus kursus yang dirangka dan penyampaian di dalam kuliah benar-benar berjaya memberikan kefahaman dan membetulkan persepsi mereka terhadap rasuah atau sebaliknya. Usaha penambahbaikan kursus ini juga dapat dilakukan berdasarkan hasil kajian awal ini. Kajian ini juga bisa direplikasi pada skala yang lebih besar kepada lebih ramai mahasiswa-mahasiswi dan semua masyarakat di kampus.

## **Tinjauan Literatur**

Beberapa kajian atau penelitian telah dilakukan terhadap para pelajar sekolah dan mahasiswa dan mahasiswi di beberapa universiti awam di Malaysia untuk melihat tahap kefahaman mereka tentang integriti and amalan korupsi di dalam beberapa aspek termasuk hal-hal akademik. Masih kurang kajian yang dilakukan terhadap institusi pengajian tinggi swasta tentang kefahaman dan persepsi terhadap hal integriti dan amalan rasuah.

Contohnya, kajian oleh Yusoff (2019) terhadap 200 orang pelajar sebuah universiti awam milik pemerintah, mendapati segelintir responden tidak memahami bahawa perbuatan menipu di dalam tugas akademik adalah salah. Bahkan sebanyak 58.6% responden menyatakan bahawa mereka bersetuju bahawa meniru tugas sahabat bukan satu kesalahan. Selain itu, sebanyak 46.6% responden berfikir bahawa menandatangani (kehadiran) bagi pihak teman yang tidak hadir ke kuliah adalah dibenarkan. Manakala, sebanyak 77.3 % responden memahami bahawa membayar upah orang lain untuk menghasilkan tugas akademik adalah tidak dibenarkan. Namun 22.7% responden selebihnya beranggapan perbuatan mengupah pihak ketiga menyiapkan tugas akademik bukan suatu kesalahan. Malah terdapat juga 2.2% responden menyatakan bahawa membawa nota semasa peperiksaan berlangsung adalah bukan satu kesalahan.

Kajian yang dijalankan oleh Chandran dan Hussin (2021) pula memfokuskan akan penerapan nilai integriti dalam kalangan murid sekolah menengah melalui mata pelajaran Sejarah. Mereka mendapati faktor penerapan nilai integriti adalah melalui guru, sekolah, rakan dan mata pelajaran. Guru sangat berperanan sebagai pembimbing, pemotivasi, penjaga kepada murid mampu membawa generasi ini ke arah yang lebih baik tanpa gejala penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, korupsi dan perkara yang boleh menjatuhkan nama dan maruah keluarga, masyarakat dan negara.

Kajian mengenai isu integriti dalam organisasi pula dilakukan oleh Ishar et al. (2021) yang menunjukkan bahawa kebanyakan masalah integriti yang dikesan bermula daripada adalah hal-hal yang dipandang remeh oleh staf atau karyawan yang sering berkait dengan bidang tugas masing-masing. Sekecil mana sekalipun mereka harus sedar ia tetap salah dan perlu diperbetulkan. Oleh itu, terdapat keperluan terhadap mengenal pasti punca kelemahan pembudayaan dan penguatkuasaan integriti dalam sesuatu organisasi, khususnya dalam diri masyarakat. Sorotan kajian mendapati, pengetahuan dan pembudayaan tentang isu integriti dilihat menjadi kelemahan ketara dalam kegagalan pengaplikasian integriti dalam pekerjaan

Integriti mempunyai kaitan rapat dengan kecekapan dan keberkesanan sesuatu kerja atau tugas yang dilakukan sehingga memberi impak yang positif terhadap peningkatan kualiti dan produktiviti. Seseorang pekerja yang mempunyai integriti yang tinggi akan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab berbanding pekerja yang mempunyai nilai integriti yang rendah. Pemahaman terhadap konsep integrity juga penting dan boleh mempengaruhi tahap integriti seseorang staf atau karyawan (Don et al., 2021).

Faktor dalaman yang menyebabkan seseorang melakukan rasuah adalah kerana wujudnya peluang, kelemahan peribadi dan sifat tidak berintegriti. Manakala faktor luaran disebabkan oleh gaji pekerja yang rendah, tekanan kewangan, tekanan kerja serta dasar negara yang kurang efektif (SPRM, 2021). Pihak SPRM juga menghadapi beberapa cabaran dalam menangani rasuah di Malaysia seperti penggunaan teknologi yang lebih canggih oleh mereka yang cuba menyembunyikan aktiviti rasuah, campur tangan dan kurangnya kerjasama dari ahli politik serta kurang sokongan dan keyakinan dari orang awam. Faktor dan cabaran ini perlu diambil kira oleh pemerintah serta agensi anti korupsi di dalam merancang kaedah pencegahan yang terbaik bagi mengurangkan aktiviti rasuah di Malaysia. Kaedah pencegahan yang berkesan diyakini dapat dihasilkan sekiranya pemerintah dan semua pihak menyokong usaha agensi pencegahan rasuah (Ab Rahman et al., 2022). Keperluan untuk menekankan bahaya rasuah juga harus dipupuk oleh ibu bapa kerana tanggungjawab mereka sangat penting untuk mendidik anak-anak. Di sini peranan ibu bapa sangat penting untuk mewujudkan budaya "Say No to Corruption" (Mohamed, 2014).

## **2. METODE**

Kajian dijalankan melalui edaran soalan kaji selidik (Google Form) yang melibatkan 89 orang responden iaitu mahasiswa dan mahasiswi yang ikut belajar kursus Integriti dan Anti-Rasuah. Pemilihan responden dibuat secara kaedah persampelan mudah bukan kebarangkalian (convenience and non-probability sampling methods). Kaji selidik ini bertujuan mendapatkan respon mereka terhadap dua perkara. Pertamanya ialah untuk mengukur kefahaman terhadap sesuatu perbuatan atau amalan tertentu, adakah ianya adalah satu bentuk rasuah atau bukan. Keduanya ialah untuk melihat persepsi mereka terhadap amalan rasuah di Malaysia. Soalan kaji selidik adalah diadaptasi berpandukan soalan kaji selidik yang dijalankan oleh para pengkaji terdahulu di Institut Integriti Malaysia (IIM) (Yusoff & Amin, 2017). Semua mahasiswa dan mahasiswi yang menjadi responden kajian ini telah mengikuti pembelajaran Integriti dan Antirasuah yang terdiri daripada lapan modul atau topik yang berkaitan selama satu semester.

Soalan kaji selidik terbahagi kepada tiga iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah untuk maklumat demografi, bahagian B adalah mengenai kefahaman terhadap amalan rasuah dan bahagian C mengenai persepsi terhadap rasuah di Malaysia. Skala Likert mudah 3 poin ringkas digunakan dalam kajian ini kerana skala ringkas ini banyak digunakan untuk pelbagai tinjauan dan tujuan penyelidikan. Skala Likert ganjil mengandungi titik

tengah dalam skala, membolehkan responden memilih pilihan neutral. Pilihan neutral membantu responden yang tidak mahu bersikap berat sebelah terhadap sebarang jawapan.

### 3. HASIL DAN PEMBAHASAN

#### Maklumat Demografi

Dapatan kajian daripada bahagian demografi menunjukkan bahawa 86.5 % responden adalah daripada etnik Melayu diikuti oleh 9% etnik suku bumiputra Malaysia Timur dan 4.5% etnik India. Majoriti responden terdiri daripada lelaki sejumlah 74 % berbanding hanya 15% pelajar wanita. Manakala 93.2% responden adalah berumur di antara 19 hingga 24 tahun. Maklumat lengkap mengenai latar belakang responden boleh dilihat di dalam tabel 1 berikut.

**Tabel 1 Demografi Responden**

Bil.	Etnik	Bilangan	Peratusan
1	Melayu	77	86.5
2	Bumiputra	8	8.98
3	India	4	4.49
<b>Jantina</b>			
1	Lelaki	74	83.14
2	Wanita	15	16.85
<b>Umur</b>			
1	19 – 21	40	44.9
2	22 – 24	43	48.3
3	25 dan ke atas	6	6.7

#### Kefahaman Mengenai Rasuah (Korupsi)


Di dalam soal selidik bahagian B terdapat sepuluh soalan yang menguji kefahaman responden mengenai perbuatan atau amalan yang dianggap sebagai rasuah ataupun tidak. Responden diminta memilih jawapan berdasarkan kefahaman mereka iaitu sama ada Ya, Tidak atau Tidak Pasti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada 10 perlakuan atau item yang ditunjukkan di dalam kaji selidik, terdapat 6 pernyataan menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman yang tinggi dan memahami bahawa ianya merupakan perlakuan rasuah berdasarkan kadar peratusan tinggi melebihi 70%.

Salah satu contohnya adalah pernyataan berkaitan politik wang, di mana 92% responden memahami bahawa amalan atau perlakuan politik wang adalah rasuah. 90% responden bersetuju bahawa menggunakan kuasa atau pangkat untuk faedah peribadi adalah rasuah. 89% bersetuju bahawa menggunakan kuasa untuk mendapatkan pangkat atau faedah adalah rasuah, begitu juga dengan perbuatan pegawai penguatkuasa menggertak atau menakut-nakutkan pelanggan untuk mendapatkan wang adalah rasuah. Maklumat lengkap mengenai 6 perlakuan yang dianggap rasuah dengan peratusan tertinggi di antara 73 hingga 92 % boleh dirujuk kepada grafik 1 dan 2 berikut.

#### **Enam perlakuan atau amalan yang dianggap sebagai sebagai korupsi dengan peratusan tertinggi (lebih daripada 70 peratus).**

Terdapat enam perlakuan rasuah yang dianggap sebagai perbuatan rasuah dengan peratusan tinggi melebihi 70%. Rasuah dalam bentuk politik wang berada pada kedudukan paling tinggi sebagai rasuah dengan peratusan paling tinggi (92.24), diikuti oleh salah guna kuasa atau menggunakan kuasa atau pangkat untuk mendapatkan sesuatu

faedah (89.88), mengertak atau mengugut orang bawahan dengan kuasa untuk mendapatkan wang (89.76) dan seterusnya seperti ditunjukkan di dalam grafik 1 berikut.



**Grafik 1 Enam Perlakuan Dianggap Korupsi dengan Peratusan Tinggi**

**Empat perlakuan yang dianggap sebagai korupsi dengan peratusan sederhana (kurang daripada 70 peratus)**

Dapatan kajian yang agak membimbangkan ialah terdapat empat perlakuan yang dianggap sebagai rasuah tetapi dengan peratusan yang sederhana. 62.92 % menyatakan bersetuju bahawa pegawai atau karyawan yang terlibat secara langsung dalam proses perlantikan ahli keluarga untuk mengisi jawatan kosong di kantor adalah rasuah. 56.19 % responden bersetuju bahawa mengambil atau menggunakan harta kantor untuk kegunaan peribadi adalah rasuah.

46.7% bersetuju bahawa membuat tuntutan penginapan sewaktu kerja di luar kawasan adalah rasuah dalam keadaan di mana pihak penganjur telahpun menyediakan penginapan percuma. 40.46% bahawa mengambil harta atau barangan kantor untuk kegunaan peribadi adalah rasuah. Apa yang paling membimbangkan dan menakutkan hanya 40.46 - 46.7 % memahami bahawa membuat tuntutan palsu dan menggunakan barangan untuk kegunaan peribadi adalah rasuah. Ini seolah-oleh menggambarkan bahawa, hampir 60 peratus menganggap dua perlakuan tersebut adalah bukan suatu perlakuan yang salah. Maklumat lengkap mengenai dapatan kajian boleh dirujuk kepada carta 2 berikut.



**Grafik 2 Empat Perlakuan Rasuah dengan Peratusan Sederhana**

Berdasarkan latar belakang responden yang telah mengikuti pembelajaran kursus Integriti dan Antirasuah selama hampir satu semester, sepatutnya mereka mampu memahami dan dapat membezakan di antara perlakuan rasuah atau sebaliknya. Dapatan daripada hasil kajian menggambarkan seolah-olah masih wujud kekeliruan dan keraguan di kalangan sebahagian responden untuk memahami sama ada sesuatu perlakuan tersebut adalah rasuah ataupun tidak.

#### **Persepsi Mengenai Rasuah (Korupsi)**


Terdapat dua belas soalan di dalam bahagian C soal selidik, iaitu berkaitan dengan persepsi responden mengenai rasuah di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan persepsi yang tidak begitu baik. Hanya satu item sahaja yang menunjukkan persepsi yang positif atau baik terhadap rasuah di negara kita, iaitu 79.82% percaya bahawa keselamatan saksi dalam kes rasuah adalah terjamin. Hasil dapatan lain menunjukkan persepsi negatif responden terhadap item-item dalam kaji selidik. Dapatan kajian keseluruhan secara lengkap dalam jumlah peratusan boleh dilihat di dalam carta 3 di bawah.

Kebanyakan jawapan responden terhadap kaji selidik didapati menunjukkan persepsi yang sederhana terhadap rasuah. Hanya satu item menunjukkan peratusan jawapan yang tinggi daripada responden iaitu mengenai pernyataan bahawa keselamatan saksi dan pemberi maklumat mengenai rasuah adalah terjamin. 79.82% bersetuju bahawa keselamatan saksi adalah terjamin. Selain daripada item tersebut, semuanya menunjukkan peratusan yang sederhana iaitu 68.52 peratus percaya bahawa SPRM berkesan dalam membanteras rasuah, diikuti oleh 67.44 peratus berpendapat bahawa media massa berkesan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai bahaya gejala rasuah, 59.57 bersetuju bahawa badan bukan kerajaan (NGO) berkesan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai bahaya rasuah. Maklumat lengkap mengenai dapatan berkenaan boleh dilihat di dalam grafik 3 berikut.



**Grafik 3 Tujuh Item dengan Persepsi Sederhana Mengenai Rasuah**

Terdapat empat item yang menunjukkan persepsi yang sangat membimbangkan mengenai rasuah di mana hanya 25.89 % bersetuju bahawa tahap pengambilan rasuah di negara ini adalah rendah. Secara tidak langsung, ini bermakna bahawa 66.29% bersetuju bahawa kadar pengambilan rasuah di negara ini adalah tinggi. 26.92% bersetuju bahawa rasuah dalam sektor politik adalah terkawal. Jika digabungkan peratusan responden yang tidak setuju dan tidak pasti dengan item tersebut, ini bermakna 73.08% berpegang dengan persepsi bahawa rasuah dalam sektor politik adalah tidak terkawal. Responden juga memberikan persepsi bahawa tahap pengambilan rasuah di negara ini adalah tinggi, di mana hanya 25.89 % bersetuju bahawa pengambilan rasuah adalah rendah dan hanya 35.94% sahaja percaya bahawa usaha pencegahan rasuah oleh pemerintah semakin berjaya. Maklumat lengkap boleh dilihat di dalam grafik 4 berikut.



**Grafik 4 Empat Item Persepsi Negatif dengan Peratusan Rendah**

Satu item sahaja yang menunjukkan peratusan yang tinggi mengenai persepsi rasuah di negara kita iaitu pernyataan bahawa keselamatan saksi dan pemberi maklumat mengenai rasuah adalah terjamin dengan jumlah peratusan iaitu 79.82%. Selaian daripada item ini, semuanya menunjukkan peratusan yang sederhana dan rendah. grafik 5 berikut menunjukkan pecahan peratusan persepsi mengenai keselamatan saksi.





**Grafik 5 Pecahan Peratusan Item yang Mendapat Skor Peratusan Tertinggi**

. Penekanan yang lebih kepada aspek kemanusiaan seperti yang diterapkan di dalam kursus kursus wajib universiti berkod 'MPU-Mata Pelajaran Umum' dapat memberi kesan yang baik kepada graduan universiti. Sikap empati yang tinggi jika dapat diterapkan di kalangan graduan amat berguna kepada mereka (Ahmad, Muhammad & Jamil, 2019) kerana mereka akan menjadi lebih sedar dan cakna akan aspek hak, tanggungjawab dan integriti yang mesti didokongi dengan mantap.

Dapatan persepsi mengenai rasuah dalam kajian ini kelihatan seolah-olah selari dengan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah yang dikeluarkan oleh badan Transparency International dalam tempoh lima tahun ke belakang. Kedudukan Malaysia pada tahun 2021 adalah kedudukan ke-62 pada tahun 2021, ke-57 pada tahun 2020, ke-51 pada 2019, ke-61 pada 2018 dan ke-62 pada tahun 2017 (Transparency International, 2021). Pada tahun 2022, Transparency International, Malaysia, mendedahkan bahawa Malaysia mendapat skor yang lebih rendah bagi 2021 berbanding skor yang dicapai pada tahun sebelumnya dengan mencapai skor 48 mata di kedudukan tangga 62 daripada 180 negara yang terlibat. Pada tahun 2020, Malaysia telah menerima skor sebanyak 51 mata dengan kedudukan pada tangga 57. Penurunan ini amat merisaukan pelbagai pihak apabila dibandingkan dengan pencapaian Malaysia pada tahun 2019 yang berjaya mendapat skor CPI sebanyak 53 mata bagi kedudukan pada tangga 51. Jelas, Malaysia telah mengalami tren penurunan skor selama dua tahun secara berturut-turut (Integriti Malaysia, 2021). Skor CPI Malaysia mula mengalami penurunan ketara apabila kes korupsi One Malaysia Development Berhad (1MDB) telah diketahui oleh masyarakat internasional. Namun begitu, pada tahun 2019, skor CPI telah melonjak dengan begitu signifikan selepas bertukarnya pemerintah selesai Pilihan Raya Umum negara Malaysia yang ke-14. Skor ini juga semakin menaik dengan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) (Azura, Mohd Husni & Irwan, 2019). Malangnya, sekali lagi skor CPI Malaysia menurun selepas berlakunya pertukaran kerajaan pada tahun 2020 dan kini terus menurun. Berdasarkan pemerhatian ini, dapat dilihat bahawa ketidaktentuan politik memainkan peranan yang besar dalam memberi kesan terhadap persepsi umum masyarakat lokal dan internasional terhadap kualiti dan prestasi sesebuah negara itu (Integriti Malaysia, 2021).

Pimpinan institusi pengajian tinggi seperti universiti perlu lebih serius menyokong dan mempromosikan program oleh SPRM dalam usaha memberi penerangan dan kesedaran mengenai integriti dan jenayah rasuah kepada generasi baru bakal pemimpin negara iaitu para mahasiswa dan mahasiswi. Kajian mencadangkan supaya pihak pengurusan universiti mewajibkan semua staf mengikuti kursus Integriti dan Rasuah sekurang-kurangnya sekali setiap setahun. Pengajaran dan pembelajaran kursus Integriti dan Antirasuah perlu memberikan penekanan yang lebih banyak kepada aspek perbincangan dan pendedahan kepada kes-kes rasuah yang lepas untuk diambil pengajaran. Ini selari dengan keperluan kemahiran dan literasi yang pelbagai adalah penting buat bakal graduan teknologi kejuruteraan sebelum menempuh alam pekerjaan (Ahmad & Mohd Said, 2012) dan pendedahan awal terhadap aspek integriti dan amalan anti-korupsi pasti memberi suatu kelebihan kepada mereka di alam pekerjaan yang kompetitif.

#### **4. KESIMPULAN**

Dapatan kajian mengenai kefahaman dan persepsi mengenai rasuah menunjukkan bahawa masih banyak usaha yang lebih serius perlu dilakukan untuk memberi kefahaman yang jelas terhadap masyarakat mengenai rasuah. Kita mungkin tidak mampu membayangkan apakah bentuk hasil dapatan seandainya kami selidik seumpama ini dijalankan di kalangan masyarakat awam pada skala yang lebih besar kerana ramai ahli masyarakat yang mungkin tidak pernah mendapat pendedahan dan ilmu tentang rasuah dan integriti. Persepsi mengenai rasuah menunjukkan hasil dapatan yang kurang memberangsangkan. Mengikut perkiraan secara logik mudah, ini memberi maksud bahawa majoriti responden bersetuju bahawa tahap amalan rasuah di negara ini masih tinggi, di mana rasuah di dalam sektor politik dan pemerintah pada masa kini masih tidak terkawal. Jelas, semua pihak di setiap lapisan masyarakat harus terus memainkan peranan untuk menanam nilai integriti yang tinggi dan menguatkan kesedaran dan semangat untuk anti terhadap rasuah.

#### **DAFTAR PUSTAKA**

- Ab Rahman, A., Lokman, W., Zain, L. M., Omar, S. M. N. S., & Gunardi, S. (2022). Analisis Faktor-Faktor Gejala Rasuah dan Cabaran Menanganinya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10 (1), 90–97.
- Ahmad, N., & Said, M. K. M. (2012). Synergizing Hard Skills and Soft Skills Training Collaboration in Enhancing Industrial Training Experiences: Narratives of a Technical Engineering University. *Synergy1-TeSSH1 2012 Chapters on Humanities and Social Sciences 1*, 52-68
- Ahmad, N., Muhammad, A. M. & Jamil, A. (2017) Challenges in Developing English for Specific Purposes (ESP) Tests for Undergraduates of Engineering Programmes. *Man In India Journal*, 97(12).245-25.
- Ahmad, N.; Muhammad, A. M. & Jamil, A. (2018). The Potential Use of Collaborative ESP Testing Implementation Framework (CETIF) in Addressing Underlying Issues in ESP Curriculum and Testing Faced by English Lecturers Teaching Engineering Students. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics (IJMAL)*, 2(4), 10-19.
- Abas, A., Noor, M.H.M., Ismail, I.S., & Kannan, H.K. (2019, January 29). *Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 Dilancarkan*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/525208/pelan-antirasuah-nasional-nacp-2019-2023-dilancarkan>

- Azzuhaily W.M. (2011). *Tafsir al-Munir Juzu 'Amma*. Terjemahan Persatuan 'Ulama Malaysia (Z.Y. dan I.S. Abdul Ghani Samsudin, Ed.). Intel Multimedia Publication
- Chandran, J. M., & Hussin, Z. (2021). Penerapan Nilai Integriti Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Melalui Mata Pelajaran Sejarah. *Journal of Educational Research*, 39, 51–63.
- Daud, E. (2019). Faktor-Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Niat Individu untuk Mengamalkan Rasuah di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Don, A. G., Puteh, A., & Ali, N. A. M. (2021). Kefahaman Kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah terhadap Konsep Integriti. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 4(2), 182–191.
- Integriti Malaysia. (2021). <https://integriti.my/persepsi-indeks-2021/>. <https://integriti.my/persepsi-indeks-2021/>
- Ishar, M. I. M., Azmi, F. A. M., Mokhtar, M. H., Risal, A. R., Abdullah, M., Ibrahim, K. I., Elias, M. F. F., Abd Hamid, Z. M., Jaafar, M. F., & Mustari, N. F. (2021). Amalan Tidak Berintegriti: Remeh tapi Salah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 215-223.
- Mohamed, A. M. (2014). Personal Integrity as a Guiding Principle for War Against Corruption. *Journal of New Government Paradigm*, 1, 14–27.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2021). *Pendidikan Antirasuah*. <https://www.sprm.gov.my/>
- Transparency International. (2021). *Transparency International*. <https://www.transparency.org/en/cpi/2021>
- Yusoff, A. Y., & Amin, Z. M. (2017). Laporan Hasil Dapatan Kajian Persepsi Mahasiswa Mengenai Rasuah di Malaysia. *Institut Integriti Malaysia*.
- Yusoff, N. H. (2019). Integriti Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Academic Integrity among National University of Malaysia (UKM) Students). *Geografia*, 15(4).